





UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sekolah Pendidikan Profesional dan
Pendidikan Berterusan
(UTMSPACE)

**FINAL EXAMINATION / PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER 1 – SESSION 2017/2018
PROGRAM KERJASAMA**

COURSE CODE : DDSA 0053
KOD KURSUS

COURSE NAME : PRINSIP PERAKAUNAN
NAMA KURSUS



Jawab SEMUA soalan.

[JUMLAH 100 markah]

1. Padankan setiap pernyataan berikut dengan istilah yang sesuai. Cuma **SATU** jawapan sahaja yang dapat dikaitkan untuk setiap pernyataan.

A. Nota debit	F. Tempoh perakaunan	K. Buku tunai	P. Buku tunai runcit
B. Aset semasa	G. Imbangan duga	L. Imbangan akaun	Q. Konsep entiti berasingan
C. Diskaun niaga	H. Aset bukan semasa	M. Diskaun tunai	R. Konsep usaha berterusan
D. Aset	I. Nota kredit	N. Konsep akrual	S. Perakaunan catatan bergu
E. Pemiutang	J. Kos sejarah	O. Penghutang	T. Penyata penyesuaian bank

- a. Chemylia, seorang peniaga merekodkan belanja premium insuran peribadinya sebagai ambilan di dalam buku perakaunan perniagaan Chemylia Enterprise.
- b. Laporan kewangan bagi perniagaan Chemylia Enterprise disediakan bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Disember setiap tahun.
- c. Sesuatu item bernilai dan dimiliki oleh sesebuah perniagaan yang dapat menjanakan pendapatan pada masa hadapan

2. Maklumat berikut diambil daripada buku catatan Izara Bakery untuk bulan Disember 2016:

BUKU TUNAI IZARA BAKERY						
Tarikh	Butiran	Jumlah	Tarikh	Butiran	No. Cek	Jumlah
1-Dec	Baki b/b	15,562	1-Dec	Resipi Masakan	841	456
2-Dec	Melia CupCakes	1,273	6-Dec	Tukang masak	842	850
10-Dec	Bread Story	4,600	13-Dec	Bahan masak	843	253
13-Dec	Jualan	232	16-Dec	Kek	844	653
20-Dec	Enigma Café	250	23-Dec	Sewa	845	200
23-Dec	Coffeebucks	327	28-Dec	Mentega	846	65
30-Dec	Jualan	560	29-Dec	Gandum	847	300
30-Dec	Dunkin Donat	105	30-Dec	Soda	848	191
			31-Dec	Baki h/b		19,941
		<u>22,909</u>				<u>22,909</u>

BANK DDW					
Penyata Bank untuk bulan Disember 2016					
IZARA BAKERY					
JALAN KSJ, KUALA LUMPUR					
Tarikh		Butiran	Dr RM	Cr RM	Baki RM
Dis	1	Baki			15,562
	5	700841	456		15,106
	5	Buku Cek	50		15,056
	5	Pindahan Terus		2,000	17,056
	10	Deposit		4,600	21,656
	11	Deposit		1,273	22,929
	11	Arahan Bayaran	230		22,699
	13	700842	805		21,894
	13	Deposit		232	22,126
	15	Cek Dikembalikan	4,600		17,526
	18	700843	253		17,273
	24	Deposit		327	17,600
	24	Deposit		250	17,850
	31	700846	650		17,200
	31	Caj Bank	10		17,190

Dikehendaki:

- Sediakan pelarasan bagi buku tunai. (11m)
 - Sediakan penyata penyesuaian bank untuk Izara Bakery pada 31 Disember 2016. (10m)
 - Senaraikan **DUA** faedah penyediaan penyesuaian bank secara berterusan. (4m)
- (Jumlah 25m)**

3. Pada 1 September 2017, Faris memulakan perniagaan dengan modal RM30,000. Beliau memasukkan wang tunai RM28,500 ke dalam bank dan bakinya disimpan untuk urus niaga harian. Sepanjang bulan September 2017, urus niaga berikut telah berlaku.

September 1	Beli sebuah komputer secara kredit bernilai RM4,760 daripada Syarikat Hi-Tech untuk kegunaan perniagaan.
2	Beli barang berharga RM2,750 secara kredit daripada Pemborong Lim.
3	Beli mesin daftar tunai dengan cek RM1,320 untuk perniagaannya.
7	Sebuah kipas lama bernilai RM65 dibawa masuk oleh peniaga untuk kegunaan syarikat.
8	Terima invoice daripada Syarikat Tek Hong untuk barang berharga RM2,460 pada harga senarai dan menerima diskaun niaga 5%.
9	Membayar Syarikat Hi-Tech dengan cek dan menerima diskaun 5%
12	Mengambil barang bernilai RM280 untuk kegunaan sendiri.
15	Jual barang berharga RM875 kepada Azizi dan RM468 kepada Azrizal secara kredit.
18	Hantar nota kredit bernilai RM68 kepada Azrizal.
26	Terima nota kredit daripada: Pemborong Lim RM150 Syarikat Tek Hong RM300
27	Menghantar invoice kepada Helmi untuk barang yang dibekalkan pada harga senarai RM1,460 dan memberi diskaun niaga sebanyak 10%.
28	Azizi menjelaskan hutangnya dengan membayar cek RM850
29	Membayar sewa kedai RM520 secara tunai
30	Membeli alat tulis sebanyak RM80 secara tunai.

Dikehendaki:

- a. Merekodkan semua urus niaga di atas ke dalam Buku Catatan Pertama termasuk Buku Tunai bagi bulan September 2017. **(25m)**
- b. Nyatakan fungsi utama nota kredit dihantar kepada pelanggan. **(2m)**
- c. Nyatakan perbezaan utama di antara diskaun tunai dan diskaun niaga. **(3m)**
- (Jumlah 30m)**

4. Baki-baki berikut diperoleh daripada Imbangan Duga Perniagaan Hidayah pada 30 Jun 2017:

	Dr (RM)	Cr (RM)
Modal		211,000
Belian / Jualan	610,580	844,300
Ambilan	3,560	
Pulangan Masuk	3,840	
Diskaun Diberi / Diterima	2,680	120
Angkutan Keluar	4,360	
Cetakan & Alatulis	4,200	
Belanja Kenderaan Bermotor	5,200	
Angkutan Masuk	3,520	
Sewa Diterima		7,500
Elektrik & Air	25,100	
Gaji dan Upah	68,600	
Pinjaman dari DDPW Bank		80,000
Tunai di Bank	12,560	
Inventori Awal	65,980	
Penghutang / Pemiutang Niaga	165,520	76,380
Premis	160,000	
Kenderaan Bermotor	56,000	
Perabot dan Lengkapan	27,600	
	1,219,300	1,219,300

Maklumat tambahan:

Inventori pada 30 Jun 2017 ialah RM69,900.

Dikehendaki:

- a. Sediakan Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 30 Jun 2017 (18 m)
- b. Sediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2017 (12 m)
- (Jumlah 30m)

- SOALAN TAMAT -

Mukasurat ini sengaja dibiarkan kosong

[This page is purposely left blank]

Mukasurat ini sengaja dibiarkan kosong

[This page is purposely left blank]